

**Najib tak setuju kembalikan tahan tanpa bicara untuk kekang jenayah**  
**Malaysian Insider**  
**Aug 19 , 2013**  
**OLEH MD IZWAN**

Datuk Seri Najib Razak tidak bersetuju dengan desakan mengembalikan penahanan tanpa bicara untuk mengekang peningkatan jenayah kerana penambahbaikan Akta Pencegahan Jenayah (PCA) wajar seiring dengan hak asasi manusia dan tahanan tanpa bicara bercanggah kerana penjenayah tidak boleh dibuktikan melakukan jenayah.

Perdana Menteri menegaskan kerajaan memandang serius peningkatan kadar jenayah dan polis sedang menanganinya menggunakan akta sedia ada.

"Kita cuba cari keseimbangan sebaik-baiknya daripada segi kesan hak asasi manusia dan kepentingan awam berdasarkan kepada hasrat kerajaan untuk menjaga kepentingan rakyat, kepentingan awam termasuk ketenteraman awam.

"Oleh itu, kerajaan sedang melihat keadaan ini supaya hak asasi individu tidak terjejas di samping kepentingan awam dilindungi," katanya ketika menjawab isu rancangan kerajaan untuk menambahbaik Akta PCA dalam sidang media di Kementerian Kewangan hari ini.

Kenyataan Najib dilihat bertentangan dengan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang menyatakan selepas pemansuhan Akta Ordinan Darurat (EO) lebih kurang 260,000 penjenayah bebas di luar sana.

Najib menekankan walaupun ketenteraman awam menjadi keutamaan, hak asasi manusia juga tidak boleh diabaikan.

"Ini adalah keseimbangan yang perlu kita capai dalam hasrat kita mewujudkan masyarakat lebih matang,"katanya.

Najib berkata usaha membanteras peningkatan kadar jenayah ketika ini sedang giat dijalankan dengan menggunakan akta sedia ada dan perbincangan masih dijalankan untuk memperbaikinya supaya lebih berkesan.

"Dalam soal masalah jenayah, umpamanya kita ada undang-undang PCA di mana polis akan mengambil tindakan dibawah akta ini.

"Jika tak mencukupi, kita akan pinda akta sedia ada supaya mencukup disamping memelihara daripada kemungkinan salah guna," ujarinya lagi.

Menurut Najib lagi, perbincangan untuk menahan seseorang individu atas asas syak masih lagi berjalan dan sedang dibincangkan.

"Sekarang kita sedang berbincang secara intensif untuk melihatnya," tambah beliau.

Ahmad Zahid sebelum ini memberi alasan peningkatan kes jenayah berlaku adalah disebabkan penjenayah yang dulu ditahan di Penjara Simpang Renggam kembali membalas dendam berikutan penghapusan EO.

Malah katanya kebanyakan penjenayah yang dilepaskan dari tahanan mempunyai pengikut tegar kerana mengikut perangkaan Polis Diraja Malaysia daripada 2,600 orang yang

dilepaskan mereka ini mempunyai sekurang-kurangnya 10 orang kanan.

Namun, Menteri Dalam Negeri itu menerima kritikan hebat daripada Ahli Parlimen Pakatan Rakyat (PR) kerana cuba mengaitkan EO sebagai alasan peningkatan kadar jenayah walaupun statistik polis menunjukkan kadar jenayah selepas EO dimansuhkan iaitu pada 2012, menurun.

Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Azmi hari ini memberi pandangan supaya Akta Pencegahan Jenayah 1959 (disemak 1983) yang sedia ada diperbaiki supaya memberi kuasa kepada polis untuk memerangi jenayah berat, bukan sebaliknya memperkenalkan satu akta baru yang berfungsi sama seperti EO.

EO dimansuhkan pada tahun 2011 berikutan kritikan terhadap undang-undang itu yang dikatakan zalim dan tidak demokratik. - 19 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-tak-setuju-kembalikan-tahan-tanpa-bicara-untuk-kekang-jenayah>